

SAMPAH sarap menjadi penghuni kekal sungai di Paya Jaras.

M/S 8

# Sungai sampah

NOR HATINA SHUIB | BERITA HARIAN

## Penduduk Kampung Paya Jaras tak hirau kebersihan

Oleh Nor Hatina Shuib  
bhnews@berita.com.my

**S**UNGAI BULOH: Bukan saja ikan, malah sampah sarap turut menjadi penghuni tetap sungai di Kampung Paya Jaras, dekat sini, sekali gus menggambarkan sikap tidak peduli penduduk terhadap kebersihan alam sekitar di kawasan itu.

Sungai yang pernah dikaitkan sebagai nadi pembangunan pada suatu masa dulu kini seolah-olah terpinggir apabila ia menjadi mangsa penduduk yang dengan selamba menjadikannya tempat pembuangan sampah.

Penduduk, Azizah Zainun, 50, berkata kerja pengindahan sungai perlu dilakukan bagi mengembalikan keindahan sungai itu yang semakin dipinggirkan oleh masyarakat.

"Pemantauan berkala perlu

dilakukan kerana sungai yang dicemari sampah sarap hanya merugikan generasi akan datang apabila mungkin tiada lagi sungai yang indah dan bersih ketika itu.

"Pencemaran sungai juga akan menyebabkan ekosistem hidupan sungai terganggu," katanya sambil menambah tiada kegiatan memancing di situ sedangkan kebanyakan sungai di tempat lain menjadi tempat riadah.

Beliau menggesa penduduk kampung bergotong-royong membersihkan dan menjalankan kerja pengindahan sungai tanpa terlalu berharap kepada usaha pihak berkuasa tempatan.

Seorang lagi penduduk, Nor Lailatul Jalillah Aini, 23, berpendapat pihak bertanggungjawab seharusnya peka terhadap pencemaran sampah sarap di tebing sungai itu kerana ia

**“** Pemantauan berkala perlu dilakukan kerana sungai yang dicemari sampah sarap hanya merugikan generasi akan datang apabila mungkin tiada lagi sungai yang indah dan bersih ketika itu”

**Azizah Zainun**  
Penduduk

dianggap perbuatan tidak bertamadun.

"Sungai sepatutnya dianggap aset berharga dan kewujudannya bukan untuk dicemari atau dijadikan tempat longgokan sampah," katanya.

Beliau juga menggesa pihak bertanggungjawab mengenakan denda kepada individu yang membuang sampah di tebing sungai itu sebagai pengajaran.

"Dengan tersiarnya laporan berita ini nanti, saya berharap pihak berkaitan dapat turun padang untuk melihat sendiri tahap pencemaran di sungai ini.

"Saya tidak tahu apa motif mereka membuang sampah di tebing sungai sedangkan tong sampah ada disediakan," katanya sambil mengakui kerjasama pelbagai pihak mampu membantu mengindahkan semula sungai di situ.